

# Tegakkanlah dan Dirikanlah Sembahyang Dengan Sebaik-baiknya

Sembahyang adalah difardukan oleh Allah supaya dikerjakan oleh tiap-tiap orang Muslimin lima kali sehari semalam dan sembahyang itu tidak boleh ditinggalkan dengan sengaja kerana banyak kelapangan, kemudahan, dan keistimewaan yang diberi kepada umat yang mengerjakan sembahyang yang kalau tidak dapat menyempurnakan sempurna-sempurnanya lima kali sehari – diberikan kemudahan-kemudahan itu untuk menunaikannya. Di dalam masa-masa yang tertentu sembahyang yang lima kali itu boleh dilakukan dengan tiga kali; yang empat rakaat boleh dibuat dua rakaat dan seterusnya jika tidak dapat berdiri dibenarkan sembahyang duduk, tidak dapat duduk dibenarkan dengan berbaring, tidak dapat berbaring dibenarkan mengiring dan kalau tidak dapat mengiringkan anggotanya memadai sembahyang itu dilakukan dengan isyarat mata sahaja – namun sembahyang tidak boleh ditinggalkan selagi ada hayat di dalam badan. Sembahyang itulah menjadi tanda bagi seseorang yang mengaku dirinya Islam dialah tiang agama dan dialah sendi agama dan barang tentu bahawa jika orang tidak menyempurnakan sembahyang atau melakukan sembahyang maka tidak ada amanah baginya.

Sembahyang di dalam bahasa kita itu disebut “solat”. Solat pada bahasa ertinya doa dan bermakna juga keberkatan. Pengertian yang dimaksud solat dengan perkataan dirikanlah olehmu akan solat: “Menghadapkan hati (jiwa) kepada Allah, hadap yang mengatakan takut akan Dia dan memohonkan rasa kebesaran ke bawah kekuasaan dan keagungan Allah di dalam jiwa kita.”

Yang demikian ini boleh diibaratkan begini: Solat itu – “Menghadirkan hajat dan keperluan kita kepada Allah yang kita sembah, kita puji dan kita sanjung dengan beberapa perbuatan dan beberapa perkataan yang telah disempurnakan oleh Rasul kaifatnya atau tataterbitnya.”

Dengan takrif ini nyatalah hakikat sembahyang.

Adapun nur solat (jiwanya) ialah: “Menghadapkan jiwa kepada Allah dengan sepenuh kemahuan; dengan segala khusyuk dan khuduk; dan ikhlas yang penuh; baik pada masa mengucapkan zikir mahupun di dalam masa berdoa ataupun ketika memuji Allah”.

Tegasnya solat itu menghadapkan jiwa (menghadirkan hajat) kepada Allah dengan khusyuk dan khuduk, ikhlas dan yakin dengan beberapa pekerjaan yang telah ditentukan oleh syarak agama (sendiri).

Ada pula guru-guru agama memberi takrif sembahyang itu dengan berkata: “Sembahyang itu beberapa perkataan dan beberapa perbuatan yang dimulai dengan takbir, dan disudahi dengan salam.” Ini tidak boleh dikatakan takrif, tetapi ini hanya mengenai rupa atau bentuk sembahyang – ia tidak menegaskan hakikat dan jiwa sembahyang. Oleh yang demikian takrif yang serupa ini dengan tidak terasa oleh mereka masyarakat beranggapan bahawa apabila seseorang telah melukiskan gambar sembahyang dengan

lisan dan anggotanya, tertunailah kewajipannya. Sekiranya mereka insaf hakikat dan jiwa sembahyang itu tidak ada hukum menjadi sembahyang yang diperintahkan sebelum dilaksanakan dengan khusyuk cuma khuduk dan hati yang ikhlas.

Takrif definisi yang lengkap bagi yang zahir dan hakikatnya: “Takrif yang melengkap rupa dan hakikat sembahyang – ialah berhadap hati, jiwa kepada Allah. Hadap yang mendatangkan takut, menumbuhkan rasa kebesarannya dan kekuasaannya dengan sepenuh khusyuk dan ikhlas di dalam beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan disudahi dengan salam.

Inilah sebaik-baiknya takrif yang dipakai dan diperhatikan oleh masyarakat di dalam mengadakan sembahyang. Dari itu kebanyakan yang kita dapati mereka ini yang dikatakan sembahyang tidak terjauh dari *fahshā'* dan *munkar*. Sebab ialah mereka sebenarnya belum bersembahyang hanya baharu melukiskan atau mencoret-coretkan gambaran sembahyang dan rukuk dan sujud dengan ucapan-ucapan lidah yang tergesa-gesa yang pula diketahui maknanya dan ertinya.

Firman Allah di dalam sūrat Al-‘Ankabūt surah 29 (maksudnya):

“Dan dirikanlah olehmu akan sembahyang; Kerana sembahyang itu menegah bagi menjauhkan kamu dari (*fahshā'*) (kejahatan) dan kemungkaran.”

Apakah yang dimaksud dengan mendirikan sembahyang itu?

Mendirikan sembahyang ialah “melaksanakannya dengan sebaik-baiknya dan sesempurna-sempurnanya. Ertinya mengerjakan sembahyang dengan mewujudkan roh dan hakikatnya dalam rupa zahir serta mewujudkan kesan bekasnya dalam penghidupan yang nyata.

Tidak dapat diragu-ragukan lagi walau barang sedikit jua pun bahawa solat (sembahyang) itu ialah tali kerana itulah al-Qur’ān memerhatikan urusan solat ini perhubungan yang kukuh di antara hamba dengan Tuhannya. Oleh kerana itulah al-Qur’ān memerhatikan urusan solat ini dan menegaskan keperluannya dengan berbagai cara. Terkadang-kadang tegak-tegak al-Qur’ān menyatakan sembahyang itu wajib dilaksanakan – tidak boleh diabaikan; terkadang-kadang pula al-Qur’ān memberikan pujiannya kepada mereka yang menegakkan sembahyang; terkadang-kadang al-Qur’ān melepaskan kritik yang tajam dan cela yang keras terhadap orang-orang yang meninggalkan sembahyang. Ini semuanya nyata diketahui oleh sesiapa sahaja yang membaca al-Qur’ān; lebih lanjut nyatalah bahawa belum dipandang seorang mendirikan sembahyang (telah menunaikan tugas yang dibebankan di atasnya) melainkan apabila benar-benar telah mengerjakan sembahyang dengan sebaik-baiknya dan sesempurna-sempurnanya.

#### **Tugas Yang Tak Dapat Digurukan**

Oleh kerana solat suatu ibadah yang besar kedudukannya dalam pembinaan mahligai Islam, Allah telah menjadikannya suatu kewajipan yang tak dapat digurukan oleh seseorang pun selama orang yang wajib mengerjakannya masih berakal. Sembahyang terus menjadi kewajipan kita melaksanakannya, selama masih kita dalam berakal dalam kesedaran; walaupun kita menghadapi bahaya yang menakutkan; di saat kita menggempur musuh di medan pertempuran. Sebab-sebab diwajibkan kita sembahyang dalam saat yang sukar itu adalah supaya sentiasa kita menempuh jalan dan ingat akan Allah. Dengan sentiasa mengingat Allah semasa berjuang mempertahankan hak dan hakikat bertambah; tidak kunjung surut dan supaya kebatinan kita tetap mendapat sinaran menurut Ilahi.

Kerana sesuatu wajib sesuai dengan keadaan maka agama mengadakan aturan-aturan sembahyang yang khusus di dalam keadaan-keadaan itu. Di dalam perjalanan, di dalam ketakutan, di dalam

peperangan. Masing-masing mempunyai aturan dan kaifiat (cara-caranya) sendiri.

Di dalam perjalanan musafir diadakan hukum *Qaşar* dan hukum *Jama'* (meringankan bilangan rakyat<sup>1</sup> dan mengumpulkan dua sembahyang dalam satu waktu) untuk sembahyang Subuh yang harus tetap dalam waktunya. Di dalam ketakutan diadakan juga kaifiat yang tertentu baginya iaitu dengan mengadakan sembahyang *Khawf*.

Orang-orang yang meninggalkan sembahyang haruslah dipandang orang yang memecahkan janji yang telah dibuat erat dengan Allah *Khāliq al-'Ālam* – dengan Pencipta-Nya. Apakah orang yang berani merosakkan janji yang telah dibuat erat dengan Tuhannya dapat dipercayai janjinya dengan kita dalam erti yang sebenar-benarnya.

#### **Kaifiat Yang Telah Diberi Oleh Rasulullah (S.A.W)**

Al-Qur'ān tidak menerangkan dengan tegas bilangan sembahyang, bilangan rakaatnya dan kaifiatnya. Al-Qur'ān hanya menyebut dengan ringkas pula waktu-waktunya sahaja.

Kelakuan kaifiat sembahyang itu adalah diterangkan sunnah (sunnah Nabi).

Nabi bersembahyang diikuti oleh sahabat-sahabat dan kaum Muslimin. Mereka berdiri bersaf-saf mengikuti Nabi dan meneladani perbuatan Nabi, mendengar sabdanya: “Bersembahyanglah kamu sebagaimana kamu melihat aku sembahyang (kerjakanlah sembahyang menurut cara yang aku kerjakannya) -- hadith riwayat al-Bukhāri. Hadith ini dengan setegas-tegasnya menyuruh umat Islam melaksanakan sembahyang sebagaimana Nabi sendiri telah kerjakan oleh itu perlulah kita perhatikan kitab-kitab hadith (sunnah) untuk mengetahui bagaimana sebenarnya Nabi telah menyempurnakan sembahyang itu.

#### **Berjemaah**

Suatu hal yang tidak boleh dilupakan bahawa agama memerintahkan kita menegakkan sembahyang (sembahyang lima waktu) itu dengan berjemaah (beramai-ramai) tidak bersendirian-sendiri. Al-Qur'ān memerintahkan yang demikian:

1. (Maksudnya) – Dan dirikanlah olehmu akan sembahyang dan rukuklah kamu (bersembahyanglah<sup>2</sup> kamu) serta orang-orang yang rukuk (beserta jemaah). – Sūrat al-Baqarah ayat 34.

2. “Tidak ada bagi orang-orang musyrik kemahuan meramaikan masjid-masjid Allah. Mereka mengakui kekufuran (menyaksikan kekufuran terhadap diri mereka). Mereka orang yang gugur amalannya dan mereka yang kekal di dalam neraka. Hanya sanya diramaikan masjid-masjid Tuhan itu oleh orang-orang yang beriman akan Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah sahaja kerana yang demikian adalah tidak dengan kekuasaan orang itu sendiri; mudah-mudahan mereka itu adalah dari orang-orang yang mendapat pertunjuk” – al-Qur'ān ayat 19 sūrat al-Tawbah.

Ada keterangan-keterangan lagi dari hadith-hadith Nabi mengenai ini.

#### **Dasar-dasar Asasi Sembahyang**

Ini adalah menunjukkan bahawa Islam menuntut pemeluk-pemeluknya supaya melahirkan syiar agama Islam tak dapat diragui bahawa kenyataan Islam dengan kelahirannya adalah dengan nyata dan lahir syiar jua. Apabila umat kendur melahirkan syiar Islam dengan beransur-ansur pupuslah Islam dan keislaman mereka itu. Apabila kebaikan mendatangi jemaah nyata pula. Bukankah dengan demikian dapatlah seorang bodoh melihat atau mengambil tauladan yang perlu dari seorang yang pandai?

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah rakaat.

<sup>2</sup> Perkataan sebenarnya adalah bersembahyanglah

Hendaklah insaf bahawa dasar asasi sembahyang itu ada tiga perkara:

Pertama – Mengkhususkan jiwa kepada Allah.

Kedua – Menyebutkan dengan lidah akan Allah.

Ketiga – Membesarkan dengan gerak geri anggota akan Allah (mewujudkan tanda-tanda kebesaran-Nya dengan perbuatan anggota), seperti sujud dan rukuk.

Tiga perkara ini ialah dasar atau rukun yang pokok bagi solat itu. Ketiga-tiga dasar ini disepakati oleh sekalian umat yang mempunyai sembahyang, walaupun cara dan kaifiatnya berlain-lainan. Segala rukun yang lain dari tiga ini dapat dikurangkan tatkala dalam keuzuran. Seseorang yang tak dapat berdiri, (berdiri satu rukun sembahyang) dibolehkan duduk. Rukun yang tiga itu tak dapat dikurangkan barang sedikit jua pun.

Rasulullah (S.A.W) telah memberikan ketegasan bagi sembahyang itu:

1. Batas yang tak boleh dikurangkan barang sedikit jua;
2. Balasan yang mewujudkan kesempurnaan yang memuncak dan melengkapinya semua faedah sembahyang.

Batasan pertama, melengkapinya segala yang wajib diulangi sembahyang bila yang wajib itu ditinggalkan: melengkapinya segala yang membawa kesempurnaan sembahyang, walaupun tiada wajib diulangi sembahyang dengan ketiadaannya; sebagai melengkapinya segala yang dicela dan kias dengan dikerjakan. Juga melengkapinya segala yang tegas-tegas Nabi terangkan kerukunannya yang ada di dalam sembahyang dan diam, seperti rukuk. Perintah Tuhan menyebut “rukuk” dengan erti solat. Demikian juga kata sujud.

Adapun sembahyang itu menurut batas pertama ialah:

“Bersuci, menutup aurat, berdiri mengadap kiblat dengan muka dan mengadap Allah dengan jiwa serta mengikhhlaskan dengan sembahyang itu untuk Allah sendiri, lalu membaca takbir dengan lidah. Dalam membaca al-Fātiḥah dan sesudah membaca sesuatu surah rakaat yang pertama dan kedua sahaja. Sesudah itu rukuk dengan berketetapan barang sebentar di dalamnya (*tama'nīnah*). Sesudah itu bangkit dari rukuk untuk berdiri lagi. Dan sesudah tetap dengan berdiri itu barang seketika, sujud atas anggota yang tujuh.

Setelah itu bangun duduk antara dua sujud. Kemudian sujud sekali lagi. Selesai daripada sujud yang kedua cukuplah sembahyang serakaat. Kemudian pada ketika bangun yang kedua duduk membaca *tashahhud*. Dan jika rakaat itu akhir sembahyang hendaklah membaca selawat atas Nabi dan berdoa dengan suatu doa yang disukai, sesudah salam.

Inilah sifat sembahyang yang dilaksanakan Nabi yang tak pernah ditinggalkannya barang sekali jua pun.

Batasan yang kedua sesudah melengkapinya segala yang tersebut itu, melengkapinya pula segala ucapan-ucapan yang diucapkan di dalamnya dan melengkapinya segala *hai'ah* (taktik dengan sifat-sifat melaksanakan rukun-rukun) dan berusaha supaya dapat dirasai tatkala bersembahyang perasaan berdiri di hadapan Allah.

Dengan rencana yang pendek ini hendaklah disedari dan diinsafi bahawa sembahyang ialah suatu kewajipan yang tidak boleh sama sekali ditinggalkan oleh sesiapa pun dan kerana itu marilah kita bersama-sama menunaikan sembahyang untuk sujud kepada Allah.

“Tidaklah dijadikan jin dan manusia melainkan kerana beribadah kepada-Ku” – firman Allah di dalam al-Qur’ān.